

**Appendix C4: Identification of Time Expression “akan” depicting Future Events in Si Wajah Aneh (Text MYF)**

#### Appendix C4: Identification of Time Expression “akan” depicting Future Events in Si Wajah Aneh (Text MYF)

Title : Si Wajah Aneh  
Author : Arthur Conan Doyle  
Translator : Juneta Zawawi

M/YF/S1	Semasa menerbitkan sketsa pendek yang dipetik daripada beberapa kes yang saya dan rakan saya dengar dengan setia, dan yang kemudian menyeret kami menjadi pelakon dalam kes itu.
M/YF/S2	Sewajarnya saya lebih selesa menceritakan kisah-kisah kejayaan rakan saya itu daripada menyebut kisah-kisah kegagalannya.
M/YF/S3	Dan, ini bukanlah kerana reputasinya, tetapi kerana apabila dia gagal menyelesaikan satu-satu kes, selalunya tidak ada pun orang lain yang dapat menyelesaikan kes itu.
M/YF/S4	Kesudahannya, kes itu dibiarkan begitu sahaja tanpa penyelesaian.
M/YF/S5	Yang seronoknya, walaupun rakan saya ini kadang-kadang tersilap, namun kebenaran yang dicari-cari itu akhirnya terungkai juga.
M/YF/S6	Saya sudah menyaksi tidak kurang daripada enam kes yang sedemikian, contohnya kes <i>Adventure of the Musgrave Ritual</i> , dan kisah yang bakal saya paparkan ini adalah antara kisah paling menarik dan tidak dapat kami lupakan.
M/YF/S7	Sherlock Holmes adalah lelaki yang jarang melakukan sesuatu tanpa sebab.
M/YF/S8	Dan, apabila dia bersenam, dia melakukannya bukanlah semata-mata kerana hendak bersenam.
M/YF/S9	Dia mempunyai kekuatan fizikal yang mengagumkan.
M/YF/S10	Dan, bagi kategori berat badannya, dia adalah peninju terbaik pernah saya temui.
M/YF/S11	Di gelanggang, dia jarang sekali bergerak cergas melainkan apabila dia benar-benar perlu berbuat demikian.
M/YF/S12	Dia melepaskan tumbukan hanya apabila dia benar-benar yakin tumbukannya mengenai sasaran.
M/YF/S13	Di samping itu, dia memang tidak kenal penat dan lelah.
M/YF/S14	Staminanya memang dikagumi.
M/YF/S15	Yang peliknya, dia tidak banyak makan dan minum, sekadar mengalas perut sahaja.

M/YF/S16	Tabiatnya ini memang menjadikannya seorang yang berjimat.
M/YF/S17	Holmes sememangnya mempunyai banyak sifat terpuji kecuali satu perkara... dia menghisap paip.
M/YF/S18	Tetapi, dia menghisap paip pun hanya sekadar hendak melawan rasa bosan apabila tiada kes yang hendak disiasat dan apabila akhbar tidak menyajikan berita yang menarik perhatiannya.
M/YF/S19	Pada suatu hari, ketika awal musim bunga, saya dan Holmes bersiar-siar di taman.
M/YF/S20	Nyaman dan indah suasana sekitar.
M/YF/S21	Pucuk-pucuk muda yang mencelah antara dedaun tua tampak indah menghiasi pepohon elm.
M/YF/S22	Tampuk buah berangan pula mula merekah menyuakan kelopaknya.
M/YF/S23	Kami mengambil angin dan menjamu mata selama hampir dua jam.
M/YF/S24	Tidak banyak yang kami bualkan selama dua jam itu.
M/YF/S25	Lewat petang, kira-kira pukul lima, barulah kami beransur pulang ke Baker Street.
M/YF/S26	"Maaf tuan," ujar pembantu pejabat kami, sambil tangannya memulas tombol pintu.
M/YF/S27	"Tadi ada seorang lelaki datang hendak berjumpa dengan tuan."
M/YF/S28	Holmes memandang saya dengan raut muka yang tampak ralat dan terkilan.
M/YF/S29 (i) M/YF/S29 (ii)	"Betulkah? Itulah... lama sangat menjamu mata!" balas Holmes dengan nada berbau kesal.
M/YF/S30 (i) M/YF/S30 (ii)	"Adakah orang itu sudah pulang? "Sudah, tuan."
M/YF/S31	"Apakah kamu tidak menjemput dia masuk?"
M/YF/S32	"Ada tuan."
M/YF/S33	"Berapa lama dia menunggu?"
M/YF/S34 (i) M/YF/S34 (ii)	"Setengah jam, tuan. Dia tampak gelisah, tuan.

M/YF/S34 (iii) M/YF/S34 (iv) M/YF/S34 (v) M/YF/S34 (vi) M/YF/S34 (vii) M/YF/S34 (viii) M/YF/S34 (xi) M/YF/S34 (x) M/YF/S34 (xi)	Mundar-mandir ke hulu dan ke hilir selama dia menunggu tuan tadi. Saya tunggu di luar, tetapi saya boleh dengar, tuan. Kemudian dia menerpa keluar dan berteriak, ‘Dia belum balik lagikah?’ Apakah dia tidak <b>akan</b> balik lagi ke sini?’ Itulah yang dirungutkannya, tuan. Saya cuba menenangkan dia, ‘Sabarlah Tuan. Sekejap lagi, sampailah dia. Bukannya dia ke mana pun. Keluar ambil angin sahaja.’”
M/YF/S35 (i) M/YF/S35 (ii) M/YF/S35 (iii)	“Sekiranya begitu, saya tunggu di luar sahajalah, rimas saya duduk di sini. Kemudian dia pun beredar keluar dan terus menghilangkan diri. Saya cuba juga menahan dia malangnya, apapun yang saya katakan tidak dihiraukannya.”
M/YF/S36	“Tidak mengapa, awak sudah lakukan yang terbaik,” kata Holmes sambil menghayun langkah masuk ke pejabatnya.
M/YF/S37 (i) M/YF/S37 (ii) M/YF/S37 (iii) M/YF/S37 (iv) M/YF/S37 (v) M/YF/S37 (vi) M/YF/S37 (vii) M/YF/S37 (viii) M/YF/S37 (ix) M/YF/S37 (x) M/YF/S37 (xi) M/YF/S37 (xii)	“Saya rasa terkilan betul, Watson. Saya memang betul-betul menginginkan kes, dan dari apa yang kita dengar tadi, nampaknya ada sesuatu yang penting. Eh! Paip siapa pula di atas meja itu? Nampaknya bukan paip awak. Pasti milik lelaki tadi. Wah, tengok ini! Diperbuat daripada kayu mawar liar. Batangnya pula cukup cantik. Mereka yang menghisap paip menamakannya pemipit bibir. Sungguh halus buatannya, tampak mahal dan jarang kita dapat jumpa paip yang sehalus ini buatannya. Pasti fikirannya sedang berserabut sehinggakan terlupa paip kesayangannya.”
M/YF/S38	“Bagaimana tuan tahu dia begitu sayang akan paipnya?” tanya saya.
M/YF/S39 (i) M/YF/S39 (ii) M/YF/S39 (iii) M/YF/S39 (iv) M/YF/S39 (v)	“Saya rasa harga asal paip ini sekitar tujuh ataupun enam pence. Tengok ini, sudah dua kali dibaiki, sekali pada batang kayunya dan sekali lagi pada pemipitnya. Setiap kali dibaiki, awak tengok ini, diikat dengan gegelang perak yang jauh lebih mahal daripada harga asal paip itu. Pastilah orang ini sayang sangat pada paip ini. Sekiranya tidak, lebih baik dia beli sahaja paip yang baru daripada dia bayar mahal-mahal bagi gegelang perak ini.”
M/YF/S40	“Ada apa-apa lagi tuan?” tanya saya, kerana Holmes membelek-belek paip itu dan memerhatikannya dengan pandangan yang luar biasa.
M/YF/S41	Dia mengangkat paip itu dan mengetuk-ngetuknya perlahan ke telapak tangannya.

M/YF/S42	Dahinya berkerut, memerah otaknya mencari pertanda bagi lebih mengenali pemilik paip itu.
M/YF/S43	“Memang ada orang yang menjadikan paipnya sebagai barang kesayangan, tetapi tidak ramai,” katanya.
M/YF/S44 (i) M/YF/S44 (ii) M/YF/S44 (iii)	“Ada beberapa pertanda yang dapat dibaca pada paip ini, tidaklah begitu ketara, tetapi mungkin ada gunanya nanti. Pemilik paip ini seorang yang sasa, kidal dan mempunyai set gigi yang kuat. Yang tidak bagusnya, dia suka menggigit pemipit paipnya dan dia juga seorang yang tidak berkira apabila berbelanja, orang berada.”
M/YF/S45	Holmes melontarkan pendapatnya dengan bersahaja, tetapi saya perasan dia beberapa kali mengerling ke arah saya, mengintai-intai sama ada saya memahami penjelasannya ataupun tidak.
M/YF/S46	“Maksud tuan, sekiranya seseorang itu menghisap paip berharga tujuh shilling, dia itu orang berada.”
M/YF/S47	Saya menyimpulkan penjelasan Holmes.
M/YF/S48 (i) M/YF/S48 (ii) M/YF/S48 (iii)	“Tembakau ini campuran tembakau Grosvenor. Harganya lapan pence seauns, jawab Holmes sambil mengetuk-ngetuk paip di telapak tangannya bagi mengeluarkan tembakau dari paip itu. Memanglah tembakau ini beri kepuasan kepada orang yang menghisapnya... tetapi, orang yang tidak berkira apabila berbelanja mewah sahaja yang mampu membelinya.”
M/YF/S49	“Ada apa-apa lagi tuan?”
M/YF/S50	“Dia mencucuh tembakaunya dengan pelita.
M/YF/S51	Tengok ini, kesan terbakar dari atas sampai ke bawah, tetapi di sebelah yang ini sahaja.
M/YF/S52	Mancis tidak mengakibatkan kesan terbakar sebegini.
M/YF/S53	Lagipun, mana mungkin orang memegang mancis di sisi paipnya!
M/YF/S54	Mancis itu tentunya dihalakan ke tembakau dari atas, di mulut paip, dan bukan dari sisi paip.
M/YF/S55	Tidak mungkin orang dapat menyalakan tembakau dengan pelita tanpa meninggalkan kesan begini.
M/YF/S56	Dan, kesan ini pula hanya ada di sebelah kanan.
M/YF/S57	Ini bermakna orang ini seorang yang kidal.
M/YF/S58	Mungkin sesekali dia ada guna tangan kanan, tetapi tidak selalu.

M/YF/S59	Cuba halakan paip kamu ke pelita, kamu <b>akan</b> faham apa yang saya katakan.
M/YF/S60	Pemipit paip ini pula ada bekas gigitan.
M/YF/S61	Orang yang bergigi kuat sahaja yang dapat meninggalkan bekas begini.
M/YF/S62	Eh!
M/YF/S63	Rasanya seperti ada orang di luar.
M/YF/S64	Mari kita tengok, mungkin kita dapat temui banyak lagi perkara yang menarik.
M/YF/S65	Tidak berapa lama kemudian, pintu pejabat kami diterjah dan seorang lelaki yang lampai melangkah masuk.
M/YF/S66	Pakaiannya kemas, sut kelabu gelap, dan tangannya memegang topi berwarna perang.
M/YF/S67	Saya menganggarkan dia berusia sekitar 30-an.
M/YF/S68	“Maafkan saya,” kata lelaki itu dengan raut muka yang malu-malu.
M/YF/S69	“Sepatutnya saya ketuk pintu dahulu.
M/YF/S70	Sebenarnya, saya rasa tidak tentu arah, dan tuan mesti bantu saya selesaikan masalah ini.
M/YF/S71	Dia menggeleng-gelengkan kepalanya keresahan, sambil melepaskan dirinya terduduk di atas kerusi.
M/YF/S72	“Tuan kelihatan seperti sudah bermalam-malam tidak tidur,” kata Holmes memulakan bicara dengan begitu bersahaja tetapi penuh yakin.
M/YF/S73	Dia cuba menenangkan lelaki itu supaya dia mudah menceritakan segala keserabutan di dalam kotak fikirannya.
M/YF/S74	“Ada apa-apa yang boleh saya tolong?” tanya Holmes dengan nada simpati.
M/YF/S75 (i) M/YF/S75 (ii) M/YF/S75 (iii) M/YF/S75 (iv)	“Saya hendak minta pendapat tuan. Mungkin tuan berpengalaman menyelesaikan kes seumpama ini. Saya betul-betul buntu sekarang ini. Hidup saya sudah tidak keharuan lagi.”
M/YF/S76	“Maksud tuan...tuan mahu mengupah saya sebagai penyiasat kes tuan ini?”
M/YF/S77 (i) M/YF/S77 (ii)	“Bukan itu sahaja. Saya mahu pendapat tuan.... pendapat yang adil dan bijaksana.

M/YF/S77 (iii) M/YF/S77 (iv) M/YF/S77 (v)	Maklumlah, Tuan seorang yang dihormati. Saya hendak tahu apa yang sebenar-benarnya patut saya lakukan. Saya berharap tuan dapat membantu saya.”
M/YF/S78	Dia bercakap dalam suara yang tersekat-sekat dan nada yang sebak.
M/YF/S79	Tampaknya, perasaannya sudah hampir menguasai fikirannya.
M/YF/S80	“Perkara ini memang sulit bagi dibincangkan.”
M/YF/S81	Dia memulakan cerita.
M/YF/S82 (i) M/YF/S82 (ii) M/YF/S82 (iii) M/YF/S82 (iv)	“Tidak ada orang yang suka menceritakan hal rumahtangganya kepada orang luar. Memang cukup sukar bagi saya menceritakan tingkah laku isteri saya kepada dua orang yang tidak pernah saya kenal sebelum ini. Sememangnya perit. Tetapi, saya perlu selesaikan kekusutan ini, dan saya perlukan nasihat daripada tuan.”
M/YF/S83	“Tuan Grant Munro...” Holmes memulakan bicara.
M/YF/S84	Tamu kami tersentak dan bingkas bangun.
M/YF/S85 (i) M/YF/S85 (ii)	“Ha! Bagaimana tuan tahu nama saya?” tanyanya terkejut.
M/YF/S86 (i) M/YF/S86 (ii) M/YF/S86 (iii) M/YF/S86 (iv) M/YF/S86 (v)	“Sekiranya tuan tidak mahu orang tahu nama tuan...” jawab Holmes sambil tersenyum, “Tuan kenal padamkan nama tuan pada bibir topi tuan itu. Saya dan rakan saya ini sudah banyak mendengar rahsia yang pelik-pelik di dalam bilik ini dan syukurlah kami berjaya mendamaikan mereka yang bertelagah dan berselisih faham. Saya yakin kami dapat bantu tuan selesaikan masalah rumahtangga tuan ini. Sekiranya tuan tidak keberatan, kami perlukan maklumat dan fakta bagi menjalankan siasatan. Dan, lagi cepat lagi bagus.”
M/YF/S87	Tamu kami sekali lagi menekupkan tangannya ke muka, jelas sekali masalah ini begitu mengaibkannya.
M/YF/S88	Daripada gerak badan dan raut mukanya, saya dapat membaca dia seorang yang kuat memendam perasaan, sukar bagi meluahkan perasaan, dia tampaknya lebih senang menelan luka hatinya daripada menceritakannya kepada orang lain.
M/YF/S89	Tiba-tiba, dia menggenggam erat tangannya, seolah-olah mahu melontarkan jauh-jauh apa yang terbuku di hatinya, dan dia mula bercerita.
M/YF/S90	“Sebenarnya, saya sudah berumahtangga.

M/YF/S91	Sudah tiga tahun.
M/YF/S92	Saya dan isteri saya memang saling sayang-menyayangi.
M/YF/S93	Kami cukup bahagia, tidak pernah ada sengketa, tidak pernah ada rasa sangsi antara kami berdua, dan tidak pernah sakit hati baik dek tutur kata mahupun tingkah laku.
M/YF/S94	Tetapi, sejak hari Isnin lalu, seperti ada tembok yang memisahkan kami.
M/YF/S95	Saya rasa seperti ada sesuatu berkenaan dirinya ataupun dalam fikirannya yang saya tidak tahu.
M/YF/S96	Saya seakan sudah tidak mengenalinya lagi.
M/YF/S97	Kami seperti orang asing dan saya mahu tahu mengapa dia jadi begitu.
M/YF/S98 (i) M/YF/S98 (ii) M/YF/S98 (iii) M/YF/S98 (iv) M/YF/S98 (v) M/YF/S98 (vi) M/YF/S98 (vii) M/YF/S98 (viii)	“Sebelum kita berbincang lebih lanjut lagi, ada satu perkara yang mahu saya jelaskan, Encik Holmes. Effie mencintai saya. Saya pasti. Dia mencintai saya sepenuh hatinya. Saya tahu dan saya yakin, cukup yakin. Mana-mana lelaki pun <b>akan</b> dapat rasa apabila dirinya dicintai. Tetapi, antara kami sekarang, ada satu rahsia... dan kami tidak boleh kembali seperti dahulu. Rahsia ini masih menjadi rahsia.”
M/YF/S99	“Kami perlukan fakta, Encik Munro,” kata Holmes dengan suara yang agak mendesak.
M/YF/S100	Saya <b>akan</b> ceritakan apa yang saya tahu berkenaan sejarah hidup Effie.
M/YF/S101	Dia seorang balu walaupun usianya agak muda lagi, baru 25 tahun, sewaktu saya bertemunya.
M/YF/S102	Ketika itu namanya Puan Hebron.
M/YF/S103	Dia merantau ke Amerika ketika berusia belasan tahun, menetap di Atlanta.
M/YF/S104	Di sanalah dia bertemu dan berkahwin dengan Hebron, seorang peguam yang berjaya.
M/YF/S105	Mereka dikurniakan seorang anak.
M/YF/S106	Malangnya, apabila wabak demam kuning melanda, suami dan anaknya turut terkorban.

M/YF/S107	Dia pernah tunjukkan kepada saya sijil kematian suaminya.
M/YF/S108	Peristiwa ini sangat meruntun hatinya lalu dia pun mengambil keputusan mahu pulang ke England dan tinggal bersama ibu saudaranya di Pinner, Middlesex.
M/YF/S109	Effie mewarisi harta yang banyak.
M/YF/S110	Dengan pelaburan pokok bernilai empat ribu lima ratus paun yang memberikan pulangan tujuh peratus setahun; memang cukup untuk Effie hidup selesa dan mewah.
M/YF/S111	Ketika kami bertemu, dia baru enam minggu berada di Pinner.
M/YF/S112	Kami saling jatuh cinta dan beberapa minggu kemudian kami berkahwin.
M/YF/S113	“Saya menjalankan perniagaan sendiri, dan dengan pendapatan tujuh ataupun lapan ratus paun, kami mampu hidup selesa.
M/YF/S114	Kami menyewa sebuah vila di Norbury.
M/YF/S115	Walaupun dekat dengan bandar, tetapi suasana sekitarnya seperti di desa.
M/YF/S116	Berdekatan vila kami, ada rumah tumpangan dan ada dua buah rumah kecil dan ada sebuah banglo kecil yang menghadap vila kami, nun di seberang padang.
M/YF/S117	Lepas itu, tidak ada lagi rumah hinggalah di pertengahan jalan ke stesen kereta api.
M/YF/S118	Saya sering ke bandar atas urusan perniagaan, kecuali pada musim panas, urusan perniagaan pada waktu ini tidaklah sebanyak waktu lain, jadi saya lebih banyak meluangkan masa di rumah bersama isteri saya dan kami rasa amat bahagia sehinggalah timbulnya mainan kayu tiga ini.
M/YF/S119	“Ada satu perkara lagi yang mahu saya sebut di sini.
M/YF/S120	Apabila kami berkahwin, isteri saya menyerahkan semua hartanya kepada saya walaupun saya tidak bersetuju, kerana saya bimbang sekiranya perniagaan saya mengalami kerugian, dia juga turut menanggung kerugian itu.
M/YF/S121	Namun, dia terus mendesak dan segala urusan pindah milik pun dilaksanakan.
M/YF/S122	Tetapi, enam minggu yang lalu, dia meminta sebahagian daripada wangnya.
M/YF/S123	“‘Abang,’ katanya.
M/YF/S124	‘Dahulu semasa saya beri duit saya, abang janji saya boleh minta balik sekiranya saya perlu, kan?’

M/YF/S125	“‘Memanglah,’ saya kata.
M/YF/S126	‘Duit itu pun memang duit kamu.’
M/YF/S127	“‘Sekiranya begitu, saya hendak seratus paun.’
M/YF/S128	“Saya agak tersentak juga waktu itu, sebab saya cuma bayangkan duit yang dimintanya itu sekadar bagi membeli baju ataupun apa-apa sahaja yang dihajatnya.
M/YF/S129	“‘Nak buat apa dengan duit sebanyak itu?’” tanya saya.
M/YF/S130	Dulu abang kata abang jadi bank saya dan bank tidak <b>akan</b> tanya apa kita hendak buat dengan duit kita, kan” jawabnya nakal.
M/YF/S131	“Sekiranya betul kamu perlukan duit itu, abang <b>akan</b> beri,’ kata saya.
M/YF/S132	“‘Betul abang, memang saya betul-betul perlukan duit itu.’
M/YF/S133	“‘Dan awak tidak mahu beritahu... hendak buat apa dengan duit itu?’
M/YF/S134	“‘Satu hari nanti, mungkin saya <b>akan</b> beritahu, tetapi bukan sekarang.’
M/YF/S135	“Jadi, saya pun ikutkan sahaja.
M/YF/S136	Tetapi itulah pertama kali adanya rahsia antara kami.
M/YF/S137	Saya berikan cek kepadanya, dan langsung tidak ambil kisah lagi berkenaan cek itu.
M/YF/S138	Mungkin apa yang hendak saya ceritakan ini tidak ada kaitan dengan siasatan tuan, tetapi saya rasa elok juga sekiranya tuan tahu.
M/YF/S139 (i) M/YF/S139 (ii) M/YF/S139 (iii) M/YF/S139 (iv) M/YF/S139 (v) M/YF/S139 (vi) M/YF/S139 (vii)	“Tadi saya ada sebut... ada sebuah banglo kecil tidak jauh dari rumah kami. Antara banglo itu dengan rumah kami hanya ada sebidang padang, tetapi bagi sampai ke banglo itu, kita perlu ikut sebatang jalan kecil dan kemudian belok ikut satu lorong. Sekitar sepelaung dari banglo itu, ada beberapa batang pokok fir Scotch yang rendang. Dan, saya memang selalu mengambil angin di bawah pokok fir itu. Maklumlah, pokok memang menyejukkan mata. Banglo ini sudah lapan bulan ditinggalkan kosong, tiada penghuni. Sayang... rumah dua tingkat secantik itu, dengan seni bina tradisi lama ditinggalkan begitu sahaja.”
M/YF/S140 (i) M/YF/S140 (ii) M/YF/S140 (iii)	“Tetapi, hari Isnin lepas, semasa saya berjalan menuju pokok fir itu, saya berselisih dengan sebuah van kosong. Van itu baru sahaja meninggalkan banglo itu, saya nampak banyak gulungan permaidani terentang di anjungan. Banglo itu sudah disewa.

M/YF/S140 (iv) M/YF/S140 (v)	Saya bercadang mendekati banglo itu, teringin berkenalan dengan jiran baru saya. Semasa saya terjengah-jengah, saya terperasan ada satu wajah sedang memerhatikan saya dari satu tingkap di tingkat atas.”
M/YF/S141	Ada sesuatu yang tidak kena dengan muka itu, Tuan Holmes.
M/YF/S142	Seram sejuk saya dibuatnya.
M/YF/S143	Waktu itu saya agak jauh, jadi pandangan pun tidak berapa jelas, tetapi memang ada yang aneh pada wajah itu.
M/YF/S144	Tidak seperti wajah manusia.
M/YF/S145	Dengan penuh rasa hairan, saya pun melangkah mendekati banglo itu bagi melihat lebih dekat lagi wajah yang memerhatikan saya itu.
M/YF/S146	Tetapi, selangkah saya maju, selangkah pulalah wajah itu berundur.
M/YF/S147	Tatkala saya sudah cukup hampir wajah itu tidak lagi kelihatan, lenyap ditelan kegelapan bilik itu.
M/YF/S148	Saya terpaksa buat seketika memikirkan apa yang saya nampak.
M/YF/S149	Saya tidak pasti sama ada yang saya nampak tu wajah lelaki ataupun perempuan.
M/YF/S150	Warna wajah itu membingungkan saya... putih bak kapas, dan romannya tidak menampakkan wajah manusia.
M/YF/S151	Rasa tidak puas hati dan ingin tahu mendesak saya nekad mengenali penghuni lain di banglo itu.
M/YF/S152	Saya lantas ke pintu utama dan mengetuknya dengan hati yang berbau cemas dan harap.
M/YF/S153	Pintu segera dibuka, disentak kasar lalu seorang wanita bertubuh besar terpacul di muka pintu dengan wajah yang masam dan garang.
M/YF/S154	“Awak hendak apa?” tanya wanita itu, garang.
M/YF/S155 (i) M/YF/S155 (ii)	“Kita ini berjiran, itu rumah saya,” jawab saya sambil menuding ke arah rumah saya. Puan nampaknya baru pindah, sengaja saya datang menjengah sekiranya ada apa-apa yang boleh saya tolong.”
M/YF/S156	“Sekiranya kami perlukan bantuan nanti kami akan beritahu,” jawabnya dan terus menghempaskan pintu.
M/YF/S157	Tersinggung dengan ‘usiran’ wanita itu, saya pun terus beredar pulang.
M/YF/S158	Sepanjang hari itu, saya cuba melupakan apa yang berlaku, tetapi wajah aneh di tingkap tingkat atas dan kebiadapan wanita itu bermain-main dalam fikiran saya.

M/YF/S159	Saya tekad supaya tidak menceritakan hal ini kepada isteri saya kerana isteri saya seorang yang cepat melatah.
M/YF/S160	Bagaimanapun, sebelum tidur, dengan acuh tak acuh saya beritahu isteri saya yang banglo itu sekarang sudah berpenghuni.
M/YF/S161	Dan dia cuma membisu, buat dengar tak dengar sahaja.
M/YF/S162	Kebiasaannya, apabila tidur, saya memang tidur mati, selagi ayam belum berkokok, selagi itulah saya tidak akan terjaga.
M/YF/S163	Tetapi, pada malam itu, mungkin kerana masih terbawa-bawa dek peristiwa siang itu, saya tidak begitu lena.
M/YF/S164	Dalam tidur-tidur ayam itu, saya berasa macam ada sesuatu yang berlaku di dalam bilik tidur saya, dan saya beransur-ansur menyedari yang isteri saya sedang bersiap-siap hendak keluar.
M/YF/S165	Saya bertanya, dengan nada mengantuk dan suara yang tenggelam timbul, mengapa dia bersiap-siap pada tengah-tengah malam begitu, belum pun sempat dia menjawab, saya terpendang akan wajahnya yang tepat disuluh cahaya lilin nan suram.
M/YF/S166	Dia terpepan, kaget, seolah-olah dia tidak langsung menduga gerak lakunya saya sedari.
M/YF/S167	Mukanya pucat lesi, ditoreh tak berdarah, nafasnya kencang, memang dia cemas.
M/YF/S168	Kemudian perlahan-lahan, matanya melirik ke katil, hendak memastikan sekiranya perlakuannya mengganggu tidur saya.
M/YF/S169	Kemudian, selepas menyangka saya masih nyenyak tidur, dia perlahan-lahan meninggalkan bilik tidur kami, dan beberapa minit kemudian saya dengar selak pintu depan rumah kami ditarik dan pintu dikatup perlahan.
M/YF/S170	Saya bingkas duduk sambil mengusap-ngusap kepala saya bagi memastikan yang saya benar-benar sedar dan bukannya bermimpi.
M/YF/S171	Saya mencapai jam tangan saya dari bawah bantal... pukul tiga pagi!
M/YF/S172	Apakah agaknya yang dibuat oleh isteri saya keluar rumah pada pukul tiga pagi?
M/YF/S173	“Saya duduk kebingungan selama hampir dua puluh minit dan cuba meneka-neka jawapan kepada persoalan yang menubi perasaan saya.
M/YF/S174	Semakin difikirkan, semakin serabut fikiran saya.
M/YF/S175	Ketika saya masih dihantui seribu pertanyaan, saya terdengar pintu depan rumah kami dibuka dan perlahan-lahan dikatup semula.
M/YF/S176	Tidak lama kemudian, isteri saya melangkah masuk bilik tidur kami.
M/YF/S177	“‘Kamu ke mana pagi-pagi begini, Effie?’ saya menyerghah.

M/YF/S178	“Dia amat tersentak, nafasnya kencang, suaranya terketar-ketar cuba menjawab pertanyaan saya dan dia mula menangis.
M/YF/S179	Soalan saya tidak dijawab.
M/YF/S180	Dia lantas menepakkan tangan ke dadanya, cuba mengawal tangisannya.
M/YF/S181	Sentakan dan tangisannya itulah yang membingungkan saya, seolah-olah ada satu dosa besar yang sudah dilakukannya.
M/YF/S182	Isteri saya dulu suka berterus-terang, berfikiran terbuka, dan saya sungguh bingung dan tersinggung melihat dia terhendap-hendap masuk ke biliknya sendiri dan menangis cemas apabila disapa suaminya sendiri.
M/YF/S183	““Abang sudah bangunkah!” jawabnya, dengan ketawa nakal yang dibuat-buat.
M/YF/S184 (i) M/YF/S184 (ii)	‘Mengapa bang? Saya ingatkan tidak ada apapun dalam dunia ini yang boleh kejutkan abang dan tidur,’ dia cuba berseloroh hendak mengubah hala tumpuan saya.
M/YF/S185	““Kamu pergi mana?’ ulang saya dengan nada tegas.
M/YF/S186	““Mengapa yang abang terkejut sangat ni?’ jawabnya dan saya perasan jari-jemarinya terketar-ketar ketika dia menyalin pakaian tidurnya.
M/YF/S187 (i) M/YF/S187 (ii) M/YF/S187 (iii) M/YF/S187 (iv) M/YF/S187 (v)	“Mengapa bang? Saya bukan ada buat apa-apa yang salah pun. Saya cuma rasa sesak nafas dan perlukan udara segar. Sekiranya saya tidak keluar tadi, saya rasa saya boleh mabuk dan pengsan. Jadi saya cuma duduk-duduk sekejap di taman dan sekarang baru saya rasa lega.’
M/YF/S188	“Sepanjang dia bercakap, tidak sekali pun dia memandang muka saya, dan suaranya tidak seperti suaranya yang biasa.
M/YF/S189	Saya dapat rasakan yang dia berbohong.
M/YF/S190	Saya hanya mendiamkan diri, memalingkan muka saya ke dinding, menahan sakit hati dibohongi isteri sendiri.
M/YF/S191	Hati saya sarat dengan bermacam-macam sangkaan buruk.
M/YF/S192	Apakah yang disembunyikan isteri saya daripada pengetahuan saya?
M/YF/S193	Ke mana sebenarnya dia pergi?
M/YF/S194	Saya rasa saya tidak akan tenang selagi saya tidak tahu perkara yang sebenar, tetapi saya tidak mahu bertanya padanya lagi selepas saya tahu yang dia sudah berbohong pada saya.

M/YF/S195	Sehingga siang, saya tidak tidur, bermacam-macam andaian bermain dalam fikiran saya.
M/YF/S196	“Saya sepatutnya ke bandar pada hari itu, tetapi fikiran saya terlalu kusut bagi memikirkan urusan perniagaan.
M/YF/S197	Sebagaimana saya, isteri saya pun tampak bersedih juga.
M/YF/S198	Saya dapat merasainya daripada kerlingan matanya yang mencuri-curi memerhatikan gerak laku saya, dan dia tahu saya tidak mempercayai kata-katanya semalam.
M/YF/S199	Dia memang serba salah, dan tampak buntu tidak tahu apa yang hendak dibuat.
M/YF/S200	Kami sama-sama membisu semasa sarapan.
M/YF/S201	Lepas itu saya terus keluar bersiar-siar.
M/YF/S202	Mana tahu, angin pagi itu mungkin dapat mengilhamkan jawapan yang saya cari.
M/YF/S203	“Saya membiarkan kaki saya melangkah hinggalah ke Istana Kristal, sejam lamanya saya di sana, hampir pukul satu barulah saya kembali ke Norbury.
M/YF/S204	Dalam perjalanan pulang, saya menempuh jalan kecil di tepi banglo itu, dan saya berhenti seketika, mengharap dapat melihat wajah aneh yang memerhatikan saya tempoh hari.
M/YF/S205	Waktu saya berdiri ternanti-nanti itu, alangkah terkejutnya saya, Tuan Holmes, pintu utama banglo itu terbuka dan isteri saya melangkah keluar dari banglo itu!
M/YF/S206	“Saya bingung, terkejut dan terpelepasan kehairanan apabila ternampak isteri saya, tetapi apa yang saya rasa ketika itu tidaklah seberapa sekiranya hendak dibandingkan dengan perasaan yang tergambar pada wajah isteri saya apabila kami saling berpandangan.
M/YF/S207	Mulanya dia seperti mahu berundur masuk semula ke dalam banglo itu tetapi dia mengubah fikirannya lalu dia terus menghampiri saya dengan wajah yang serba salah dan mata yang ketakutan yang cuba ditutup dengan senyuman yang dipaksa-paksa.
M/YF/S208 (i) M/YF/S208 (ii) M/YF/S208 (iii)	“Abang,’ spanya, ‘saya baru sahaja menjenguk jiran baru kita ini sekiranya ada apa-apa yang boleh ditolong. Mengapa abang pandang saya macam itu? Abang tak marahkan?”
M/YF/S209	“‘Jadi, tempat inilah yang kamu kunjungi malam itu!’
M/YF/S210	“‘Abang cakap apa ni?’ balasnya.
M/YF/S211 (i)	“‘Kamu memang ke sini!’

M/YF/S211 (ii) M/YF/S211 (iii)	Abang dapat rasakan yang kamu ke sini malam itu. Siapa mereka ini yang kamu jenguk malam-malam buta dulu?’
M/YF/S212	“‘Abang, saya tidak pernah pun ke sini sebelum ini.’
M/YF/S213	“‘Bagaimana abang hendak percaya cakap kamu?’ herdik saya.
M/YF/S214 (i) M/YF/S214 (ii) M/YF/S214 (iii) M/YF/S214 (iv) M/YF/S214 (v)	‘Suara kamu pun lain macam saja, tidak seperti biasa. Abang tidak pernah pun menyembunyikan apa-apa rahsia daripada kamu! Abang hendak masuk ke dalam banglo itu dan abang hendak tahu mengapa kamu ke sini. Apa nak jadi, jadilah! Abang hendak tahu juga!’
M/YF/S215 (i) M/YF/S215 (ii)	“‘Jangan, jangan abang! Tolonglah, saya mohon pada abang!’ rayunya beria-ia dengan cucuran air mata.
M/YF/S216	Saya terus melangkah menghampiri pintu banglo itu.
M/YF/S217	Belum pun sempat saya menyentap tombol pintu, dia memaut lengan saya dan menarik saya sekuat hatinya.
M/YF/S218	“‘Saya rayu abang jangan buat saya macam ini,’ rayunya lagi.
M/YF/S219	‘Saya bersumpah, satu hari nanti saya <b>akan</b> ceritakan segalanya kepada abang.’
M/YF/S220	Saya cuba menepisnya pautannya, tetapi dia terus merangkul kuat tubuh saya.
M/YF/S221 (i) M/YF/S221 (ii) M/YF/S221 (iii) M/YF/S221 (iv) M/YF/S221 (v)	“‘Percayalah pada saya abang, untuk kali ini sahaja. Percayalah, abang tidak <b>akan</b> menyesal. Abang tahukan, saya tidak <b>akan</b> rahsiakan semua ini sekiranya bukan demi kebaikan abang. Sekiranya abang masuk juga, segala yang kita kecapai selama <b>akan</b> berkecai, abang. Percayalah cakap saya abang!’
M/YF/S222 (i) M/YF/S222 (ii)	“‘Entah mengapa, dalam rayuannya itu saya rasa seperti ada keperitan yang begitu berat ditanggungnya. Dan, kata-katanya itu membuatkan saya membisu kaku di depan pintu banglo itu.”
M/YF/S223 (i) M/YF/S223 (ii) M/YF/S223 (iii) M/YF/S223 (iv)	“‘Abang <b>akan</b> percaya cakap kamu dengan satu syarat, dan dengan satu syarat ini sahaja,’ jawab saya.’ Cukup sampai takat ini sahaja. Kamu boleh terus menyimpan rahsia kamu itu, tetapi kamu mesti berjanji yang kamu tidak <b>akan</b> ke mari lagi pada waktu malam dan tidak apa-apa lagi tindak-tanduk yang di luar pengetahuan abang. Abang boleh lupakan apa yang sudah berlaku sekiranya kamu berjanji tidak <b>akan</b> mengulanginya lagi.’

M/YF/S224 (i) M/YF/S224 (ii)	““Terima kasih. Saya tahu abang tidak <b>akan</b> hampakan saya,’ katanya dengan penuh rasa lega.
M/YF/S225 (i) M/YF/S225 (ii)	‘Saya ikut semua syarat abang itu. Mari bang, kita balik,’ pujuknya.
M/YF/S226	“Sambil memaut erat lengan saya, dia menarik saya perlahan-lahan.
M/YF/S227	Sewaktu melangkah pulang, saya sempat menoleh ke tingkat atas rumah itu, wajah aneh itu sedang memerhatikan kami.
M/YF/S228	Apakah agaknya hubungan si wajah aneh itu dengan isteri saya.
M/YF/S229	Apa pula pertalian wanita garang bersuara garau tempoh hari dengan isteri saya?
M/YF/S230	Kusut betul teka-teki ini, dan saya tahu saya tidak <b>akan</b> tenteram selagi saya tidak menemui jawapan kepada semua teka-teki ini.
M/YF/S231	“Selepas itu, dua hari saya tidak keluar rumah, dan isteri saya berpegang pada janjinya.
M/YF/S232	Dia langsung tidak keluar dan rumah, sekalipun bagi melihat pokok-pokok bunga kesayangannya.
M/YF/S233	Bagaimanapun, pada hari yang ketiga, ternyata sumpah dan janji isteri saya dulu tidak cukup baginya bagi melupakan rahsianya.
M/YF/S234	Dia mula mengabaikan tanggungjawabnya terhadap suami dan rumahtangganya.
M/YF/S235	“Pada hari itu, saya sengaja pulang awal.
M/YF/S236	Sejam lebih awal daripada kebiasaan.
M/YF/S237	Sebaik sahaja saya masuk ke dalam rumah, pembantu rumah saya lari bergegas-gegas hendak keluar dengan muka ketakutan.
M/YF/S238	““Puan di mana?’ tanya saya.
M/YF/S239	“Ra.... rasanya di... dia keluar ambil angin petang, tuan,’ jawabnya tergagap-gagap.
M/YF/S240	“Fikiran saya terus sarat dengan pelbagai syak wasangka.
M/YF/S241	Saya meluru ke tingkat atas bagi memastikan dia tiada di rumah.
M/YF/S242	Dari tingkap bilik, saya nampak pembantu rumah saya tadi berlari merentasi padang menuju ke banglo itu.

M/YF/S243	Fahamlah saya bahawa isteri saya ada di banglo itu dan dia suruh pembantu rumah memberitahunya apabila saya pulang.
M/YF/S244	Darah panas menyirap di seluruh tubuh saya.
M/YF/S245	Sakit hati dan geram, itulah yang saya rasa waktu itu.
M/YF/S246	Tanpa berlelah, saya meluru turun dan terus ke banglo itu.
M/YF/S247	Di pertengahan jalan, saya berselisih dengan isteri dan pembantu rumah saya, tetapi saya tidak langsung menghiraukan mereka.
M/YF/S248	Saya tahu di dalam banglo itu ada rahsia yang menghantui hidup saya.
M/YF/S249	Saya bertekad, walau apapun yang <b>akan</b> terjadi, saya mahu selesaikan hari itu juga.
M/YF/S250	Sebaik sahaja sampai di banglo itu, saya terus membuka pintu dan menerjah masuk.
M/YF/S251	“Suasana di tingkat bawah itu senyap sunyi.
M/YF/S252	Dari dapurnya terdengar siulan cerek air.
M/YF/S253	Seekor kucing parsi leka memerhatikan gerak-geri saya.
M/YF/S254	Tiada sesiapa pun di dalam banglo itu.
M/YF/S255	Wanita bertubuh besar yang saya lihat dahulu, langsung tidak nampak kelibat.
M/YF/S256	Saya terus ke tingkat atas.
M/YF/S257	Di tingkat atas pun begitu juga, yang ada hanyalah dua bilik kosong.
M/YF/S258	Tidak ada seorang manusia pun di dalam banglo itu.
M/YF/S259	Perabot dan gambar-gambar yang menghiasi banglo ini nampak biasa sahaja, kecuali yang di dalam bilik tempat saya nampak wajah aneh itu.
M/YF/S260	Susun atur semua perabotnya tampak kemas, cantik dan mahal.
M/YF/S261	Segala-gala yang ada di dalam bilik itu kelihatan mewah, indah dan menyenangkan.
M/YF/S262	Tiba-tiba, syak dan wasangka saya meluap-luap semula apabila saya ternampak gambar isteri saya di atas meja kecil di sisi katil.

M/YF/S263	Gambar itu diambil khas atas permintaan saya sebagai kenang-kenangan ulang tahun perkahwinan kami yang ketiga beberapa bulan lalu.
M/YF/S264	“Saya menunggu seketika bagi memastikan banglo itu benar-benar kosong.
M/YF/S265	Apabila pasti banglo itu kosong, saya pun beredar dengan hati yang sakit, sedih dan luka yang tidak pernah saya rasa sebelum itu.
M/YF/S266	Sebaik saya melangkah masuk ke rumah, isteri saya datang menyambut saya, tetapi saya terlalu luka hati bagi mengambil peduli kehadirana dia.
M/YF/S267	Saya terus ke bilik bacaan dan dia mengekori saya.
M/YF/S268 (i) M/YF/S268 (ii)	““Saya minta maaf kerana memungkiri janji saya, abang. Saya tidak ada pilihan lain,’ katanya.
M/YF/S269	‘Seandainya abang faham akan keadaan saya, pasti abang <b>akan</b> memaafkan saya.’
M/YF/S270	““Sekiranya begitu, beritahu abang segala-galanya supaya abang faham!’ bentak saya.
M/YF/S271 (i) M/YF/S271 (ii)	““Saya tidak boleh abang, bukan sekarang. Kita sama-sama belum bersedia,’ dia terus menangis.
M/YF/S272	““Selagi kamu tidak beritahu abang siapa yang ada di dalam banglo itu dan kepada siapa kamu berikan gambar kamu itu, jangan mimpi abang <b>akan</b> percaya pada kamu lagi,’ jawab saya, dan saya terus tinggalkan isteri saya menangis sendirian.
M/YF/S273 (i) M/YF/S273 (ii) M/YF/S273 (iii) M/YF/S273 (iv) M/YF/S273 (v) M/YF/S273 (vi) M/YF/S273 (vii)	“Hal ini berlaku semalam dan sejak itu saya belum lagi berjumpa dengan isteri saya. Saya juga tidak tahu apa yang berlaku padanya selepas itu. Inilah buat pertama kalinya timbul sengketa antara kami. Ujian ini amat berat buat saya dan saya tidak tahu apa yang sebaik-baiknya yang perlu saya lakukan. Pagi tadi saya dapat tahu berkenaan tuan, sebab itulah saya ke mari dan meletakkan segala harapan yang ada pada tuan. Sekiranya ada apa-apa lagi yang tuan perlu tahu, tanyalah. Saya cuma hendak perkara ini selesai dan saya mahu kehidupan saya kembali seperti dulu.”
M/YF/S274	Tuan Holmes dan saya memberi perhatian yang penuh kepada cerita yang agak luar biasa ini.
M/YF/S275	Lebih-lebih lagi disampaikan oleh orang seperti Munro yang sangat tertekan perasaannya.
M/YF/S276	Tuan Holmes diam seketika, sambil tangannya menopang dagu, saya tahu dia sedang mencerna segala cerita Munro tadi.
M/YF/S277	“Bolehkah tuan pastikan wajah aneh yang tuan nampak itu wajah seorang lelaki? tanya Tuan Holmes, memecah keheningan.
M/YF/S278	“Setiap kali yang saya nampak, wajah itu agak jauh, jadi saya memang tidak dapat pastikan, lelaki ataupun perempuan.”

M/YF/S279	“Namun begitu, wajah itu memang menarik perhatian tuan.”
M/YF/S280 (i) M/YF/S280 (ii) M/YF/S280 (iii)	“Memang, sebab warnanya luar biasa. Tidak seperti warna kulit yang biasa, dan ada yang tidak kena dengan rupa pada wajah itu. Apabila saya mendekatinya, ia cepat-cepat menghilang.”
M/YF/S281	“Sudah berapa lama isteri tuan meminta duit seratus paun itu?”
M/YF/S282	“Hampir dua bulan yang lalu.”
M/YF/S283	“Pernahkah tuan melihat gambar suaminya yang dahulu?”
M/YF/S284 (i) M/YF/S284 (ii)	“Tidak pernah. Tidak lama selepas kematiannya, berlaku kebakaran besar di Atlanta, jadi banyak barangnya yang terbakar.”
M/YF/S285 (i) M/YF/S285 (ii)	“Habis itu, macam mana dia masih ada sijil kematian suaminya. Tuan kata tuan ada melihatnya.”
M/YF/S286	“Ya, dia ada dapatkan salinannya selepas kebakaran itu.”
M/YF/S287	“Pernahkah tuan bertemu dengan sesiapa yang mengenalinya semasa dia di Amerika?”
M/YF/S288	“Tidak.”
M/YF/S289	“Pernahkah dia menyebut mahu melawat Amerika?”
M/YF/S290	“Tidak.”
M/YF/S291	“Macam mana dengan surat, pernahkah dia mendapat surat dari sana?”
M/YF/S292	“Tidak.”
M/YF/S293 (i) M/YF/S293 (ii) M/YF/S293 (iii) M/YF/S293 (iv) M/YF/S293 (v) M/YF/S293 (vi) M/YF/S293 (vii)	“Terima kasih. Saya <b>akan</b> fikirkan perkara ini. Sekiranya banglo itu terus ditinggalkan, sukarlah sikit bagi kita menyiasat. Tetapi, sekiranya ia masih dihuni, penghuninya tentu sudah dimaklumkan berkenaan kedatangan tuan semalam, justeru banglo itu ditinggalkan sebelum tuan sampai. Tetapi, pasti mereka sudah kembali ke banglo itu sekarang, sekiranya betul, mudahlah kerja kita nanti. Saya cadangkan tuan pulang ke Norbury dan perhatikan tingkap itu. Sekiranya tuan percaya banglo itu masih dihuni, segera maklumkan kepada kami.”

M/YF/S293 (viii)	Kami <b>akan</b> bersama-sama tuan dalam masa sejam, dan kita <b>akan</b> selesaikan misteri ini.”
M/YF/S294	“Sekiranya banglo itu masih kosong, bagaimana?”
M/YF/S295 (i) M/YF/S295 (ii)	“Sekiranya begitu, saya <b>akan</b> datang esok dan kita <b>akan</b> bincang hal ini. Tuan pulang dulu, tapi ingat, jangan marah-marah sehingga tuan rasa tuan memang perlu marah.”
M/YF/S296	“Saya rasa kes ini kes berat, Watson,” kata Tuan Holmes, sekembalinya daripada mengiringi Encik Munro ke pintu depan.
M/YF/S297	“Apa pendapat kamu?”
M/YF/S298	“Saya pun rasa begitu tuan,” jawab saya.
M/YF/S299 (i) M/YF/S299 (ii)	“Memang. Ada ancaman.”
M/YF/S300	“Siapa pula yang memberikan ancaman?”
M/YF/S301 (i) M/YF/S301 (ii)	“Tentulah orang yang tinggal di bilik yang cantik dan mewah itu dan yang menyimpan potret isteri Munro di sisi katilnya. Kes ini menarik, lebih-lebih lagi wajah aneh di tingkap itu dan saya tidak <b>akan</b> melepaskan peluang menyiasat kes seperti ini.”
M/YF/S302	“Kamu ada teori?”
M/YF/S303 (i) M/YF/S303 (ii)	“Ada tetapi teori sementara, belum kukuh lagi. Suami pertama Effie ada di dalam banglo itu.”
M/YF/S304	“Mengapa?”
M/YF/S305	“Sekiranya tidak, mengapa dia begitu takut sehinggakan suami keduanya langsung tidak boleh masuk ke banglo itu?”
M/YF/S306	Saya rasa, wanita ini berkahwin di Amerika.
M/YF/S307	Suaminya menghidap penyakit yang teruk dan menjadikannya cacat ataupun hodoh... mungkin kusta.
M/YF/S308 (i) M/YF/S308 (ii) M/YF/S308 (iii) M/YF/S308 (iv) M/YF/S308 (v)	“Dia lantas meninggalkan suami pertamanya, kembali ke England, menukar namanya, dan memulakan kehidupan baru. Dia sudah berkahwin selama tiga tahun dan berasa selamat selepas menunjukkan sijil kematian suami pertamanya kepada suami keduanya. Tiba-tiba apabila tempat tinggalnya kini diketahui suami pertamanya, ataupun oleh mana-mana perempuan yang ada hubungan dengan suami pertamanya, mereka pun menulis surat kepadanya dan mengancam <b>akan</b> mendedahkan dirinya yang sebenar. Dia meminta seratus paun dan berharap itu cukup bagi menyogok mereka supaya menghentikan niat jahat mereka. Sebaliknya, mereka ke mari mencari dia dan apabila suami keduanya memaklumkan yang banglo itu sudah berpenghuni, dia tahu mereka adalah orang yang memburunya selama ini.

M/YF/S308 (vi) M/YF/S308 (vii) M/YF/S308 (viii) M/YF/S308 (ix)	Apabila suaminya sudah tidur, dia segera bertemu orang itu bagi memujuk ataupun mendesak mereka supaya tidak mengganggunya lagi. Apabila cubaannya pada malam itu gagal, dia pergi bertemu mereka lagi pada keesokan harinya. Kali ini dia bertembung dengan suaminya ketika dia meninggalkan banglo itu.
M/YF/S308 (x) M/YF/S308 (xi)	Dia berjanji tidak <b>akan</b> ke banglo itu lagi, tetapi selepas dua hari, hasratnya mahu mengusir jiran barunya itu tidak dapat ditahan-tahan lagi lalu dia ke banglo itu sekali lagi, membawa bersama-sama gambarnya yang mungkin diminta oleh mereka. Sedang mereka berunding, pembantu rumahnya datang memintanya pulang sebab suaminya sudah pulang.
M/YF/S308 (xii) M/YF/S308 (xiii) M/YF/S308 (xiv)	Merasakan yang suaminya <b>akan</b> datang menerjah ke banglo itu, dia menyuruh mereka meninggalkan banglo itu ikut pintu belakang, bersembunyi di belakang pokok fir, yang dikatakan berdekatan dengan banglo itu. Sebab itulah Munro dapati banglo itu seolah-olah sudah ditinggalkan. Bagaimanapun, saya memang <b>akan</b> terkejut besar sekiranya banglo itu masih berpenghuni apabila Munro menyiasatnya petang ini. Apa pendapat tuan dengan teori saya ini?"
M/YF/S309	"Semua itu andaian belaka."
M/YF/S310 (i) M/YF/S310 (ii) M/YF/S310 (iii)	"Setidak-tidaknya semua fakta yang ada sudah diambil kira. Apabila kita dapat maklumat baru, kita timbangkan semula teori ini. Kita tidak boleh berbuat apa-apa lagi sehinggalah kita terima mesej daripada Munro di Norbury."
M/YF/S311	Mesej itu tiba sebaik sahaja kami selesai minum petang.
M/YF/S312	"Banglo itu masih berpenghuni," bunyi mesej itu.
M/YF/S313 (i) M/YF/S313 (ii) M/YF/S313 (iii)	"Ada terlihat wajah aneh di tingkap itu. <b>Akan</b> jumpa di stesen kereta api jam tujuh petang. Tidak <b>akan</b> berbuat apa-apa hingga Tuan tiba."
M/YF/S314	Dia menunggu di platform tatkala kami melangkah keluar dari kereta api.
M/YF/S315	Dalam sinaran cahaya lampu di stesen itu, kami dapat melihat betapa pucat wajahnya, dan gerak lakunya cukup bagi menyatakan yang dia memang sudah tidak sabar-sabar lagi hendak menyelesaikan kekusutan yang menghantui fikirannya ini.
M/YF/S316	"Mereka masih ada di sini, Tuan Holmes," katanya sambil tangannya kuat memegang lengan Tuan Holmes, cuba menegaskan lagi kata-katanya.
M/YF/S317 (i) M/YF/S317 (ii)	"Saya nampak lampu di dalam banglo itu semasa saya hendak ke mari tadi. Kita <b>akan</b> selesaikan perkara ini malam ini juga, malam ini juga!"
M/YF/S318	"Jadi, apa rancangan tuan sekarang?" tanya tuan Holmes.
M/YF/S319 (i) M/YF/S319 (ii)	"Macam mana pun, saya <b>akan</b> ke dalam banglo itu dan melihat sendiri siapa yang ada di dalam banglo itu. Saya harap tuan berdua <b>akan</b> menjadi saksi."

M/YF/S320 (i) M/YF/S320 (ii)	“Apakah tuan nekad hendak masuk juga ke dalam banglo itu? Bukankah isteri tuan sudah memberikan amaran kepada tuan tempoh hari agar melupakan sahaja perkara ini?”
M/YF/S321	“Ya, saya nekad.”
M/YF/S322 (i) M/YF/S322 (ii) M/YF/S322 (iii) M/YF/S322 (iv)	“Baiklah, saya setuju dengan keputusan tuan itu. Walau macam mana pahit sekalipun, Iebih baik kita tahu perkara sebenar daripada kita terus berteka-teki. Lebih baik kita pergi sekarang. Memanglah dari segi undang-undang, kita salah, tapi alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.”
M/YF/S323	Langkah kami semakin pantas supaya cepat sampai ke banglo itu.
M/YF/S324	“Itu dia lampu banglo itu.”
M/YF/S325	Ghairah sungguh suara Munro.
M/YF/S326	Hujan gerimis mula turun sebaik sahaja kami membelok memasuki lorong kecil ke banglo itu.
M/YF/S327	Langkah Munro semakin deras.
M/YF/S328	Kami hanya menurutinya tanpa bicara.
M/YF/S329	“Itu lampu rumah saya,” kata Encik Munro sambil menuding ke arah rumahnya dan inilah dia banglo yang <b>akan</b> saya terobos sekejap lagi.”
M/YF/S330	“Kami meneruskan langkah dan banglo itu kini ada di sisi kami.
M/YF/S331	Pintu utama agak renggang dan satu tingkap di tingkat atas diterangi cahaya lilin.
M/YF/S332	Tatkala kami mendongak kelihatan samar-samar bayangan hitam melintasi tingkap itu.
M/YF/S333	“Itu dia makhluk itu!” teriak Munro.
M/YF/S334 (i) M/YF/S334 (ii)	“Tuan boleh tengok sendiri ada orang di dalam bilik itu. Sekarang, mari ikut saya, sekejap lagi kita <b>akan</b> tahu segala-galanya”
M/YF/S335	Kami pun mendekati pintu utama, tiba-tiba dalam sinaran suram cahaya lilin itu, seorang wanita muncul dengan tangannya terdepang merentangi pintu banglo itu.
M/YF/S336	Saya tidak dapat melihat wajahnya.
M/YF/S337	“Jangan abang, tolong jangan buat macam ini!” teriaknya dengan penuh harap.

M/YF/S338 (i) M/YF/S338 (ii)	“Saya dapat rasai yang abang <b>akan</b> datang malam ini. Dengarlah cakap saya bang, abang tidak <b>akan</b> menyesal, percayalah.”
M/YF/S339	“Abang sudah lama menahan sabar, Effie,” jawab Munro dengan nada yang agak keras.
M/YF/S340 (i) M/YF/S340 (ii)	“Beri abang masuk. Abang nak tahu apa yang begitu rahsia antara kita sehinggakan kamu tergamak membelakangkan abang macam ini.”
M/YF/S341	Munro menolak wanita itu ke tepi dan kami menurutinya dari belakang.
M/YF/S342	Sebaik sahaja Munro sampai di tingkat atas, seorang wanita menerpa ke arahnya dan cuba menghalang Munro, tetapi wanita ini juga ditolakny ke tepi.
M/YF/S343	Munro terus meluru ke bilik yang terang itu dan kami bergegas-gegas menurutinya.
M/YF/S344	Bilik itu cukup selesa dan mewah, hiasannya cantik dan perabotnya tampak anggun dengan dua batang lilin bernyala di atas meja dan dua lagi di atas meja kecil di sisi katil.
M/YF/S345	Di satu sudut, kelihatan seorang kanak-kanak perempuan duduk bersila di atas sebuah meja.
M/YF/S346	Dia bingkas memalingkan mukanya ke dinding ketika kami masuk.
M/YF/S347	Anak ini memakai baju merah labuh berlengan pendek, dan tangannya disaluti kemas sarung tangan panjang berwarna putih.
M/YF/S348	Sebaik sahaja dia menoleh ke arah kami, saya cukup terkejut.
M/YF/S349	Wajah yang kami lihat itu tampak aneh dan tiada sebarang mimik atau perasaan.
M/YF/S350	Tidak lama kemudian, segala misteri itu pun terjawab.
M/YF/S351	Sambil ketawa, Holmes membuka ikatan di belakang kepala kanak-kanak itu, lalu tertanggallah topeng yang menutupi wajah sebenarnya.... ruparupanya kanak-kanak itu sebenarnya kanak-kanak perempuan negro yang hitam legam.
M/YF/S352	Dia terpinga-pinga, menampakkan giginya yang putih melepak, tatkala melihat wajah kami yang tercengang-cengang kehairanan.
M/YF/S353	“Apakah maknanya semua ni?”
M/YF/S354 (i) M/YF/S354 (ii)	“Saya <b>akan</b> terangkan makna semua ini,” jawab wanita yang di pintu utama tadi, ketika dia melangkah masuk ke bilik itu dengan wajah yang tenang dan penuh yakin. Abang memaksa saya walaupun saya belum bersedia dan sekarang kita mesti cari jalan tengah bagi menyelesaikan semua ini.

M/YF/S354 (iii) M/YF/S354 (iv)	Suami saya meninggal di Atlanta. Anak saya selamat.”
M/YF/S355	“Anak kamu?”
M/YF/S356	Dia menunjukkan loket yang dipakainya.
M/YF/S357	“Abang tidak pernah melihat apa yang ada di dalam loket ini.”
M/YF/S358	“Abang tidak tahu yang loket itu boleh dibuka.”
M/YF/S359	Dia membuka kancing yang agak terselindung di belakang loket itu.
M/YF/S360	Di dalamnya ada potret lelaki kacak, tampak bijak, tetapi ketara sekali lelaki berketurunan Afrika.
M/YF/S361 (i) M/YF/S361 (ii) M/YF/S361 (iii) M/YF/S361 (iv) M/YF/S361 (v)	“Ini John Hebron, suami saya yang pertama,” kata wanita itu, “dialah orang yang paling baik dan terhormat yang pernah saya kenali. Saya mengetepikan perbezaan warna kulit kami bagi mengahwininya, dan tidak pernah sekalipun saya menyesalinya. Cuma anak ini kurang bernasib baik kerana banyak mengikut sebelah ayahnya daripada mengikut sebelah saya. Kulit Lucy jauh lebih gelap berbanding dengan warna kulit ayahnya. Tetapi, gelap ataupun cerah, dialah satu-satunya anak saya, buah hati saya,” anak kecil itu lantas berlari mendapatkan ibunya, memeluk erat ibunya.
M/YF/S362	Semasa saya meninggalkan Amerika,” sambungnya lagi, “dia tidak sihat dan terlalu lemah bagi dibawa bersama, dan saya bimbang sekiranya perubahan cuaca dan persekitaran yang mendadak <b>akan</b> memudaratkannya.
M/YF/S363	Jadi, saya serahkan dia bagi dijaga oleh ibu angkatnya, yang pernah bekerja di rumah kami di Atlanta.
M/YF/S364	Tidak pernah terlintas dalam fikiran saya untuk melupakannya.
M/YF/S365	Tetapi, apabila abang muncul dalam hidup saya, saya jatuh cinta pada abang dan ingin berkongsi hidup dengan abang, tetapi saya takut hendak berterus-terang dengan abang berkenaan anak ini.
M/YF/S366	Saya tidak mahu kehilangan abang.
M/YF/S367	Saya takut sekiranya abang tinggalkan saya, lantaran itu saya ketepikan anak ini, anak saya sendiri.
M/YF/S368	Selama tiga tahun saya rahsiakan daripada abang.
M/YF/S369	Tetapi selepas saya mendapat tahu anak ini dalam keadaan sihat dan baik, naluri keibuan saya meronta-ronta mahu bertemu dengannya walaupun hanya buat seketika.

M/YF/S370	Saya tekad mahu mengharungi apa jua rintangan yang mendatang walaupun saya sedar semua ini berbahaya.
M/YF/S371	Saya kirimkan seratus paun berserta panduan ke banglo ini kepada ibu angkatnya, supaya mereka tinggal di sini, menjadi jiran kita walaupun hanya buat beberapa minggu sahaja.
M/YF/S372	Dengan ini tidak siapa pun <b>akan</b> menyangka yang saya ada apa-apa pertalian dengan anak ini.
M/YF/S373	Malah, saya menyuruh ibu angkatnya mengurung anak ini di dalam rumah ini pada waktu siang dan menutup muka dan tangannya supaya tidak ada orang mengata adanya anak negro di kampung ini.
M/YF/S374	Seandainya ada orang ternampak anak ini, mereka tidak <b>akan</b> nampak warna kulitnya.
M/YF/S375	Sekiranya saya tidak menggelabah, mungkin perkara ini tidak jadi kusut macam ini.
M/YF/S376	Tetapi, saya panik dan bagaikan hendak gila takut abang tahu perkara yang sebenar.
M/YF/S377 (i) M/YF/S377 (ii) M/YF/S377 (iii) M/YF/S377 (iv) M/YF/S377 (v) M/YF/S377 (vi) M/YF/S377 (vii)	“Abang yang beritahu saya banglo ini sudah disewa. Sepatutnya saya bersabar menunggu hingga pagi, tetapi, saya tidak boleh sebab terlalu seronok dan mahu bersua dengan anak saya ini. Jadi, saya menyorok keluar rumah pada malam itu dengan sangkaan yang abang tidak <b>akan</b> terjaga. Tetapi, abang nampak saya keluar dan waktu itulah abang mula mencurigai saya. Keesokan harinya, abang sudah mula terhidu rahsia saya selama ini. Bagaimanapun, tiga hari kemudian, anak ini dan ibu angkatnya berjaya menyelip keluar ikut pintu belakang semasa abang menerjah masuk dan pintu depan. Dan sekarang, akhirnya abang sudah tahu segala-galanya, terserahlah kepada abang apa yang hendak abang putuskan dengan nasib saya, anak saya dan kita?”
M/YF/S378	Dia menggenggam erat kedua-dua tangannya, cemas menanti jawapan daripada Munro.
M/YF/S379	Suasana begitu hening.
M/YF/S380	Semua yang ada membisu seribu bahasa.
M/YF/S381	Selepas kira-kira sepuluh minit berlalu barulah kami dapat jawapannya.
M/YF/S382	Meskipun Munro tidak berkata apa-apa untuk seketika, namun perlakuannya memberikan jawapan yang cukup menyenangkan kami semua.
M/YF/S383	Dia mendekati anak itu, mendakapnya erat lalu mendukungnya.
M/YF/S384	Kemudian Munro menarik tangan isterinya sambil memimpinnya keluar meninggalkan bilik itu.
M/YF/S385 (i)	“Jom kita balik.

M/YF/S385 (ii)	Kita bincang di rumah nanti,” katanya.
M/YF/S386	“Abang bukanlah seorang suami yang baik Effie, tetapi sekiranya kamu beri abang peluang, abang <b>akan</b> cuba menjadi yang terbaik.”
M/YF/S387	“Holmes dan saya mengikuti mereka dari belakang.
M/YF/S388	Setibanya kami di persimpangan lorong kecil di banglo itu, rakan saya menyentap lengan baju saya.
M/YF/S389	“Saya rasa lebih baik kita balik sahaja ke London,” katanya.
M/YF/S390	Holmes hanya mendiamkan diri sepanjang hari itu, enggan menyebut apa-apa pun berkenaan kes Munro, hinggalah lewat malam sebelum dia masuk tidur.
M/YF/S391	“Watson,” katanya, “lain kali, sekiranya kamu rasa saya ini terlalu yakin dengan apa yang saya percaya dan kurang bersungguh-sungguh menyelesaikan satu-satu kes, tolong bisikkan ‘Norbury’ ke telinga saya, dan saya pasti <b>akan</b> mendengar bisikan kamu.”